

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM

MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]

TARIKH :

SOALAN :

YB Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimanakah Institut Kanser Negara membantu pesakit daripada golongan berpendapatan rendah dan mengurangkan beban golongan ini untuk mendapatkan kos perubatan serta rawatan yang semakin mahal.

Tuan Yang di-Pertua,

Institut Kanser Negara (IKN) merupakan sebuah fasiliti di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Oleh yang demikian caj bagi setiap jenis rawatan ini tertakluk kepada undang-undang Negara seperti Akta Fee 1982, Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017, peraturan-peraturan dan pekeliling-pekeliling kerajaan. Di bawah perenggan 17 Akta Fee (Perubatan) 1982 turut menyatakankan: Caj maksimum bagi pesakit kelas tiga hendaklah tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap

kali dimasukkan ke hospital. Ini merupakan salah satu cara bagi membantu pesakit daripada golongan yang berpendapatan rendah.

Selain itu, mana-mana Ketua Hospital atau seseorang wakil yang dilantik olehnya boleh mengecualikan mana-mana orang yang mengisytiharkan dirinya seorang miskin dari membayar kesemua atau sebahagian daripada caj bagi pesakit-pesakit luar dan pesakit-pesakit kelas 3 dibawah perintah ini. **(RUJUKAN: PERINTAH FI (PERUBATAN) 1982, PARA 16(7))**

Berdasarkan Surat Pekeliling Bahagian Kewangan Bilangan 2, Tahun 2006: Pelaksanaan Pengecualian Caj Hospital / Klinik Kesihatan/ Klinik Pergigian Bagi Pesakit Kelas Tiga / Pesakit Luar, terdapat syarat-syarat yang ditetapkan iaitu:

- i) Pengecualian bil hanya diberi kepada warganegara sahaja.
- ii) Pengarah Hospital/ Pegawai Kesihatan Daerah/ Pegawai Pergigian Kanan atau pegawai-pegawai yang diwakilkan kuasa akan mempertimbangkan pemberian pengecualian.
- iii) Semua permohonan untuk pengecualian hendaklah dibuat dengan mengisi Borang Permohonan Pengecualian.
- iv) Pesakit yang disahkan oleh Pegawai Kerja Sosial Perubatan/ Pegawai Kebajikan Masyarakat sebagai pesakit miskin.

Bagi pesakit beragama Islam, mereka boleh dirujuk kepada Majlis Agama Islam untuk mendapatkan bantuan dari Lembaga Zakat dan bagi pesakit yang bukan beragama Islam boleh mendapatkan bantuan di Jabatan Kebajikan Masyarakat sekiranya memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Untuk makluman juga, bagi meringankan lagi bebanan pesakit kanser yang berpendapatan rendah dan sederhana, kerajaan telah mengambil langkah-langkah tertentu bagi mengatasi masalah tersebut. Pesakit Kanser akan dirujuk kepada Tabung Kebajikan Perubatan Malaysia yang dikendalikan oleh Pegawai Kerja Sosial Perubatan di setiap hospital dan klinik kesihatan kerajaan bagi mendapatkan bantuan peralatan perubatan (contoh: *walking frame*, *ripple mattress* dan kerusi roda) yang tidak dibekalkan oleh hospital kerajaan dan juga bagi mendapatkan bantuan kewangan segera sekiranya mereka berada dalam situasi kecemasan dan krisis semasa mendapatkan rawatan di hospital-hospital kerajaan. Bagi pesakit kanser yang mempunyai masalah kewangan serta mempunyai tahap sosioekonomi yang rendah, Pihak kami akan merujuk pesakit kepada sumber yang lain seperti badan NGO (Badan Bukan Kerajaan). Antara NGO yang terlibat adalah seperti MAKNA (Majlis Kanser Nasional) dan Pride bagi bantuan kewangan bulanan, pembelian ubat-ubatan serta peralatan perubatan bagi mengurangkan beban yang ditanggung pesakit dan keluarganya. Secara tidak langsung, kerajaan dapat membantu pesakit daripada golongan berpendapatan rendah untuk menjalani rawatan dengan lebih baik dan efisien.

Selain itu, Surat Pekeliling Bahagian Kewangan Bil (2) Tahun 2012 memaklumkan Kerajaan telah bersetuju untuk memberi pengecualian tambahan kepada warga emas bagi caj pendaftaran Jabatan Pesakit Luar Pakar sebanyak RM5 dan pengurangan caj pesakit kelas 3 sebanyak 50% dengan caj maksimum sebanyak RM250 bagi setiap kemasukan di hospital dan klinik KKM.